



**JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT
MALAYSIA**

**PERAKUAN BOMBA
JBPM/PK/10**

Disediakan Oleh:

TPJB Dato' Rusmani Bin
Muhamad
Penolong Ketua Pengarah
Bahagian Keselamatan
Kebakaran

Tarikh : 02.04.2015

Diluluskan Oleh:

Dato' Soiman Bin Jahid
Timbalan Ketua Pengarah
(Operasi)

Tarikh : 02.04.2015

NO. KELUARAN/PINDAAN:06

TARIKH: 02.04.2015

SALINAN TERKAWAL



JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

**PERAKUAN BOMBA
JBPM/PK/10**

MUKA SURAT : 2 | 13
TARIKH : 02.04.2015

REKOD PINDAAN

BIL.	KELUARAN / PINDAAN	TARIKH	BAHAGIAN / MUKA SURAT	KETERANGAN RINGKAS PINDAAN
1.	02	28.09.2004	Keseluruhan prosedur JBPM/PK/10	Pindaan dibuat berdasarkan kepada keputusan Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan bil.1/04 bertarikh 02.06.04.
2.	03	16.04.2007	Keseluruhan prosedur JBPM/PK/10	Pindaan dibuat berdasarkan kepada keputusan Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan bil.1/06 bertarikh 21.11.06.
3.	04	31.10.2008	Keseluruhan prosedur JBPM/PK/10	Pindaan dibuat berdasarkan kepada penambahbaikan Prosedur dan Persediaan untuk Audit Stage 1 oleh pihak SIRIM.
4.	05	18.05.2010	Keseluruhan prosedur JBPM/PK/10	Pindaan dibuat berdasarkan kepada penambahbaikan.
5.	06	27.02.2015	Keseluruhan prosedur JBPM/PK/10	Pindaan dibuat berdasarkan kepada arahan semasa.



1. OBJEKTIF

Prosedur ini bertujuan untuk memastikan pelaksanaan penguatkuasaan Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341) berkaitan dengan Perakuan Bomba dijalankan dengan cekap dan berkesan.

2. SKOP

Prosedur ini digunakan oleh Bahagian Keselamatan Kebakaran di seluruh Malaysia dalam menguatkuasakan Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341).

3. RUJUKAN

- 3.1 Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341).
- 3.2 Akta Keterangan 1950 (Akta 56).
- 3.3 Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1946.
- 3.4 Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593).
- 3.5 Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984 (UBBL 1984).
- 3.6 Akta Syarikat 1965.
- 3.7 Lain-lain piawaian yang diterimapakai oleh Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat, Malaysia seperti *Malaysia Standard*, *British Standard*, *National Fire Protection Association*, *Australian Standard* dan lain-lain.
- 3.8 Arahan Keselamatan Kebakaran Bil.2 Tahun 2009 : Pelaksanaan Perakuan Bomba.
- 3.9 Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Bomba (Perakuan Bomba) 2001 - P.U. (A) 276/1998, P.U. (A) 241/2001, P.U. (A) 334/2002.

4. DEFINISI

- 4.1 **Pemasangan Keselamatan Kebakaran:** Adalah kemudahan keselamatan diri, pencegahan kebakaran, perlindungan kebakaran dan menentang kebakaran.
- 4.2 **Orang Berkelayakan:** Adalah seorang arkitek atau jurutera berdaftar.
- 4.3 **Pemohon:** Adalah seperti di 1B P.U.(A) 334/2002.



- 4.4 **Pegawai Pendaftar:** Adalah mana-mana Pegawai Bomba yang menerima borang permohonan, mendaftar permohonan dan menguruskan fail premis.
- 4.5 **Pegawai Pemeriksa:** Adalah mana-mana Pegawai Bomba yang diberi kuasa di bawah seksyen 38, Akta 341 untuk menjalankan pemeriksaan bagi tujuan pengeluaran perakuan bomba.
- 4.6 **Pegawai Penyemak:** Adalah mana-mana Pegawai Bomba yang menyemak atau mengkaji permohonan sesuatu perakuan bomba.
- 4.7 **Perakuan Bomba:** Adalah sesuatu perakuan bomba yang dikeluarkan di bawah seksyen 29(4) atau 29(5).
- 4.8 **Hari:** Merujuk kepada tempoh hari bekerja.
- 4.9 **Perubahan Keadaan:** Adalah apa-apa pengubahsuaian yang mengakibatkan kemudahan-kemudahan bagi kelengkapan keselamatan kebakaran tidak mencukupi.

5. SINGKATAN

- | | | |
|------|----------|--|
| 5.1 | PKP BKK | - Penolong Ketua Pengarah Bahagian Keselamatan Kebakaran |
| 5.2 | PBN | - Pengarah Bomba Negeri |
| 5.3 | KSPKB | - Ketua Seksyen Penguatkuasaan Keselamatan Bangunan |
| 5.4 | KCPB | - Ketua Cawangan Perakuan Bomba (IP, JBPM) |
| 5.5 | PPBKK | - Penolong Pengarah, Bahagian Keselamatan Kebakaran |
| 5.6 | KCPKB | - Ketua Cawangan Penguatkuasaan Keselamatan Bangunan |
| 5.7 | KZ | - Ketua Zon (KZ) |
| 5.8 | PDK | - Pegawai diberikuasa |
| 5.9 | PB | - Pegawai Bomba |
| 5.10 | PDF | - Pegawai Pendaftar |
| 5.11 | PS | - Pegawai Penyemak |
| 5.12 | PP | - Pegawai Pemeriksa |
| 5.13 | PKK | - Pepasangan Keselamatan Kebakaran |
| 5.14 | AKK 2/09 | - Arahan Keselamatan Kebakaran Bil. 2 Tahun 2009 |



6. TINDAKAN DAN TANGGUNGJAWAB

BIL.	TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB
A	PERAKUAN BOMBA PERTAMA	
6.1	Kenalpasti premis	
	6.1.1 Kenalpasti dan sediakan senarai premis ditetapkan.	PPBKK / KCPKB / KZ
	6.1.2 Buka fail.	PDF
6.2	Terima Permohonan	
	6.2.1 Terima permohonan melalui Borang I, Jadual A. Rujuk AKK 2/09.	PDF
6.3	Buat Semakan Permohonan	
	6.3.1 Menyemak permohonan dan dokumen yang dikemukakan menggunakan borang FC 1. Rujuk AKK 2/09.	PDF
	i. Jika Permohonan tidak lengkap, keluarkan Kad AkuanTolak bersama Borang FC 1. Rujuk Lampiran H2, AKK 2/09.	
	ii. Jika Borang I lengkap;	
	a. keluarkan Kad Akuan Terima. Rujuk Lampiran H1, AKK 2/09.	PDF
	b. Dapatkan fail.	PDF
	c. Catatkan butir- butir permohonan ke dalam Buku Rekod Utama Perakuan Bomba. Rujuk Lampiran F dan F1, AKK 2/09.	PDF
	d. Setelah menerima permohonan, fail bagi permohonan tersebut hendaklah dibuka.	PDF



	e. Serahkan fail kepada PPBKK/ KCPKK untuk disahkan dan edaran.	PDF
6.4	Edaran Fail	
	6.4.1 Edarkan fail kepada Pegawai Penyemak.	PPBKK / KCPKB
6.5	Pengkajian Permohonan	
	6.5.1 Semak kategori premis;	
	i. Jika permohonan bukan dikategorikan premis ditetapkan, keluarkan surat makluman kepada pemohon.	PS
	ii. Jika permohonan dikategorikan premis ditetapkan;	
	a. Kaji dan lengkapkan dokumen – dokumen permohonan. Rujuk Lampiran H, AAK 2/ 09.	PS
	b. Serah fail kepada PPBKK/ KCPKK.	PS
	c. Tentukan pegawai pemeriksa.	PPBKK
6.6	Pemeriksaan Premis	
	6.6.1 Tetapkan tarikh pemeriksaan.	PPBKK
	6.6.2 Surat pemberitahuan pemeriksaan premis dikeluarkan kepada pemohon dalam tempoh 14 hari atau lebih dari tarikh pemeriksaan hendak dijalankan.	PPBKK / KCPKB
	6.6.3 Pemeriksaan dijalankan berdasarkan kecukupan PKK dengan menggunakan Borang FC 3. Rujuk AKK 2/ 09.	PP/PDK
	6.6.4 Lengkapkan Borang FC 3.	PP/PDK
	6.6.5 Kemukakan Borang FC 3 kepada PPBKK dan PBN untuk semakan dan disahkan.	PP/PDK



6.7	Semakan Borang FC 3	
	6.7.1 Terima, semak dan sahkan Borang FC 3.	PBN/ PPBKK
	i. Jika kehendak-kehendak PKK dipatuhi:	
	a. Keluarkan surat kepada pemohon untuk membuat pembayaran. Rujuk Lampiran H9, AAK 2/ 09.	PPBKK / KCPKB
	b. Keluarkan Perakuan Bomba (Borang II) dalam tempoh 07 hari daripada tarikh pembayaran fi diterima.	PBN / PPBKK / KCPKB
	c. Sampaikan Perakuan Bomba kepada pemohon. Rujuk Lampiran H10, AAK 2/09.	PBN / PPBKK / KCPKB
	ii. Jika kehendak-kehendak PKK tidak dipatuhi;	
	a. Keluarkan FC 4 dan FC 6 kepada pemohon.	PP / PDK
	b. Setelah terima FC 4 atau FC 6 tamat tempoh, pemeriksaan semula perlu dijalankan.	PP / PDK
	• Jika kehendak-kehendak PKK di FC 6 dipatuhi, jalankan proses di 6.7.1.a.	PBN / PPBKK / KCPKB
	• Jika kehendak-kehendak PKK di FC 6 tidak dipatuhi, buat Laporan bagi penyediaan kertas siasatan menggunakan Borang FC 7.	PP / PDK
6.8	Merekod dan mengeluarkan Perakuan Bomba	
	6.8.1 Rekodkan maklumat pengeluaran Perakuan Bomba dalam Buku Rekod Utama Perakuan Bomba. Rujuk Lampiran F1, AKK 2/ 09.	PDF



B	PERAKUAN BOMBA BARU ATAU PERAKUAN BOMBA PINDAAN	
6.9	Terima Permohonan	
6.9.1	Terima Borang FC 8 atau notis permohonan secara bertulis.	PDF
6.9.2	Daftar permohonan ke dalam Buku Rekod Utama Perakuan Bomba.	PDF
6.9.3	Dapatkan fail premis berkenaan.	PDF
6.9.4	Serahkan fail kepada PPBKK/ KCPKK untuk disahkan dan diedarkan.	PDF
6.10	Edaran Fail	
6.10.1	Edarkan fail kepada Pegawai Penyemak.	PPBKK / KCPKB
6.11	Pengkajian Permohonan	
6.11.1	Menyemak dan mengkaji permohonan. Rujuk Lampiran J, AKK 2/ 09.	PS
6.11.2	Jika PKK mencukupi , laksanakan proses di 6.6, 6.7 dan 6.8.	PBN / PPBKK / KCPKB / PP / PDK / PDF
6.11.3	Jika PKK tidak mencukupi;	
i.	Keluarkan langkah-Langkah yang sepatutnya diambil terhadap cadangan perubahan keadaan dengan menggunakan Borang FC 9 berserta Borang FC 4.	PS
ii.	Setelah terima FC 4 atau FC 9 tamat tempoh, pemeriksaan semula perlu dijalankan.	PP / PDK
iii.	Laporan pemeriksaan adalah menggunakan Borang FC 3.	PP / PDK



	iv. Jika FC 9 dipatuhi; • Jika memohon Perakuan Bomba Baru laksanakan proses 6.7.1.a dan 6.8. • Jika memohon Perakuan Bomba Pindaan keluarkan Perakuan Bomba Pindaan dan laksanakan 6.8. v. Jika tidak mematuhi FC 9, keluarkan FC 10 supaya mengambil langkah-langkah perlu dan FC 4. • Jika FC 10 dipatuhi, laksanakan proses iv di atas. • Jika FC 10 tidak dipatuhi, buat laporan bagi penyediaan kertas siasatan menggunakan Borang FC 7.	PBN / PPBKK / KCPKB / PDF PBN / PPBKK / KCPKB / PDF PBN / PPBKK / KCPKB / PDF PBN / PPBKK / KCPKB / PDF
C	PEMBAHARUAN PERAKUAN BOMBA	
6.12	Terima permohonan	
	6.12.1 Terima permohonan – Borang III, laksanakan proses 6.3.1 dengan menggantikan Borang I dengan Borang III. Rujuk AKK 2/09 6.12.2 Jika tidak terdapat perubahan, laksanakan proses 6.4 hingga 6.8 6.12.3 Jika terdapat perubahan, buat laporan untuk penyediaan kertas siasatan dengan menggunakan FC 7	PDF PBN / PPBKK / KCPKB / PP / PDK / PDF PP / PDK



D	PERAKUAN BOMBA GANTIAN	
6.13	Terima Pemberitahuan Kehilangan/ Kemusnahan	
	6.13.1 Terima surat pemberitahuan kehilangan atau kemusnahan secara bertulis dan memohon Perakuan Bomba Gantian.	PDF
	6.13.2 Dapatkan fail premis berkaitan.	PDF
6.14	Buat Semakan/Pengeluaran Perakuan Bomba	
	6.14.1 Buat semakan dengan menggunakan Borang FC 12. Rujuk AKK 2/09.	PP
	6.14.2 Jika maklumat lengkap, laksanakan proses 6.7.1.a dan 6.8.	PBN / PPBKK / KCPKB / PDF
	6.14.3 Jika maklumat tidak lengkap; i, Sediakan Borang FC 13	PBN / PPBKK / KCPKB / PDF
	ii. Sampaikan Borang FC 13 kepada pemohon.	PS
	iii. Jika maklumat-maklumat di Borang FC 13 diterima, laksanakan 6.14.2 di atas.	PBN / PPBKK / KCPKB / PDF
	iv. Jika maklumat-maklumat di Borang FC 13 tidak diterima setelah tamat tempoh yang dinyatakan di Borang FC 13, buat laporan untuk mengkompaunkan.	PS
6.15	Perangkaan	
	6.15.1 Kemukakan perangkaan Perakuan Bomba kepada Bahagian Keselamatan Kebakaran, Ibu Pejabat JBPM sebelum atau pada 30 haribulan setiap bulan.	PPBKK / KCPKB



7. REKOD KUALITI

Bil.	Jenis Rekod	Lokasi	Tempoh Penyimpanan
7.1	Senarai Premis Ditetapkan	Bahagian Keselamatan Kebakaran	5 Tahun
7.2	Buku Rekod Utama Perakuan Bomba	Bahagian Keselamatan Kebakaran	5 Tahun
7.3	Fail Premis	Bahagian Keselamatan Kebakaran	5 Tahun




8. LAMPIRAN

- 8.1 Carta Aliran Kerja Proses Pengeluaran Perakuan Bomba (Lampiran 1)
- 8.2 Carta Aliran Kerja Pembaharuan Perakuan Bomba (Lampiran 2)
- 8.3 Carta Aliran Kerja Memproses Pelan (Lampiran 3)
- 8.4 Carta Aliran Kerja Pengeluaran Perakuan Bomba Baru / Pindaan (Lampiran 4A)
- 8.5 Carta Aliran Kerja Pengeluaran Perakuan Bomba Baru / Pindaan (Lampiran 4B)
- 8.6 Carta Aliran Kerja Pengeluaran Perakuan Bomba Gantian (Lampiran 5)
- 8.7 Borang I - Borang Permohonan Bagi Perakuan Bomba
- 8.8 Borang II – Borang Pengesahan Perakuan Bomba
- 8.9 Borang III - Borang Permohonan Bagi Pembaharuan Perakuan Bomba
- 8.10 Lampiran F- Buku Rekod Utama Perakuan Bomba
- 8.11 Lampiran F1- Format Buku Rekod Utama Perakuan Bomba
- 8.12 Lampiran H - Proses Permohonan dan Pengeluaran Perakuan Bomba
- 8.13 Lampiran H1 - Kad Akuan Terima
- 8.14 Lampiran H2 - Kad Akuan Tolak
- 8.15 Lampiran J - Proses Permohonan Perubahan Keadaan Yang Menjejaskan Kecukupan Kelengkapan Keselamatan Kebakaran
- 8.16 Borang FC1 - Senarai Semakan Borang Permohonan
- 8.17 Borang FC2 - Aduan Kesalahan Boleh Kompaun Terhadap Perakuan Bomba
- 8.18 Borang FC3 - Laporan Pemeriksaan Terhadap Bagi Tujuan Perakuan Bomba
- 8.19 Borang FC4 - Permohonan Pemeriksaan Bagi Tujuan Perakuan Bomba
- 8.20 Borang FC5 - Pembayaran Fi bagi Perakuan Bomba




-
- 8.21 Borang FC6 - Notis Memberitahu Tentang Keperluan-Keperluan Yang Perlu Dipatuhi
 - 8.22 Borang FC7 - Aduan Kesalahan Berkenaan Dengan Perakuan Untuk Penyediaan Kertas Siasatan
 - 8.23 Borang FC8 - Notis Cadangan Perubahan Keadaan Premis Ditetapkan
 - 8.24 Borang FC9 - Notis Memberitahu Mengenai Langkah-Langkah Sepatutnya Diambil Terhadap Cadangan Perubahan Keadaan
 - 8.25 Borang FC10 - Notis Mengarahkan Supaya Mengambil Langkah-Langkah Perlu
 - 8.26 Borang FC11 - Laporan Semakan Rayuan
 - 8.27 Borang FC12 - Laporan Semakan Maklumat Tentang Kehilangan Atau Kemusnahan Perakuan Bomba
 - 8.28 Borang FC13 - Maklumat-maklumat Tentang Kehilangan Atau Kemusnahan Perakuan Bomba.


CARTA ALIRAN KERJA PROSES PENGELUARAN PERAKUAN BOMBA




CARTA ALIRAN KERJA PEMBAHARUAN PERAKUAN BOMBA




CARTA ALIRAN KERJA MEMPROSES PELAN




CARTA ALIRAN KERJA PENGELUARAN PERAKUAN BOMBA BARU



CARTA ALIRAN KERJA PENGELUARAN PERAKUAN BOMBA PINDAAN



CARTA ALIRAN KERJA PENGELUARAN PERAKUAN BOMBA GANTIAN



SENARAI SEMAKAN BORANG PERMOHONAN

**SENARAI SEMAKAN PERMOHONAN
PERAKUAN BOMBA ATAU PEMBAHARUAN PERAKUAN BOMBA**

Semua maklumat berikut hendaklah lengkap (✓ - YA, X – TIDAK)

A. Permohonan baru

- | | | |
|-----|---|---------|
| 1. | Nama pemohon | () |
| 2. | Alamat penuh premis ditetapkan | () |
| 3. | Nombor Kad pengenalan pemohon | () |
| 4. | Salinan pemunyaan premis terbaharu disertakan | () |
| 5. | Nombor pendaftaran perniagaan | () |
| 6. | Alamat pos | () |
| 7. | Reka bentuk premis | () |
| 8. | Pelan lokasi premis | () |
| 9. | Nombor kelulusan premis oleh PBT | () |
| 10. | Tarikh kelulusan PBT | () |
| 11. | Kemudahan Kelengkapan Keselamatan kebakaran | |
| | a. Kemudahan keselamatan diri | () |
| | b. Pencegahan kebakaran | () |
| | c. Perlindungan kebakaran | () |
| | d. Kemudahan menentang kebakaran | () |
| 12. | Peruntukan Khas | () |
| 13. | Organisasi keselamatan kebakaran dinyatakan | () |
| 14. | Butir-butir tentang penyelenggaraan kemudahan-kemudahan bagi pemasangan keselamatan kebakaran | () |
| 15. | Ditandatangani dan cop | () |

B. Permohonan Pembaharuan ()

- | | | |
|----|-------------------------------------|---------|
| 1. | Guna borang permohonan (Borang III) | () |
| 2. | Nama pemohon | () |
| 3. | Alamat penuh premis ditetapkan | () |
| 4. | Ditandatangani dan cop | () |

Nota – buat penambahan senarai keperluan yang difikirkan bersesuaian dan sekiranya perlu boleh juga dibuat lampiran tambahan.

**LAPORAN KESALAHAN BOLEH KOMPAUN TERHADAP
PERAKUAN BOMBA**

- 1) Nama & Alamat Premis :
- 2) No. Perakuan Bomba :
- 1) Nama Pemohon :
(* Pemunya/Penghuni/Orang bertanggungjawab)
- 2) No. K/Pengenalan :
- 3) Perihal kesalahan yang dilakukan adalah (sila tanda / yang berkenaan)

Jenis Kesalahan	Tandakan
Subperaturan 3(5) P.U. (A) 334/2002 – memindahkan atau menyerahkan, atau menyebabkan atau membenarkan mana-mana orang lain menggunakan perakuan bombanya	
Subperaturan 5 (3) P.U.(A) 241/2001 – Mana-mana orang melanggar subperaturan 5 (1) dan 5 (2).	
Subperaturan 6 (2) P.U. (A) 241/2001 – Mana-mana orang yang tidak mempamerkan perakuan bomba di tempat ketara pada setiap masa	

- 4) Berikut perihal lengkap kesalahan:-
.....
.....
.....
.....
.....
- 5) Mengikut Peraturan 2 P.U. (A) 313/2000 kesalahan ini adalah merupakan kesalahan yang boleh kompaun. Oleh itu tindakan kompaun boleh dikenakan. Bersama-sama ini disertakan bahan-bahan bukti.
.....

.....
Pangkat /Nama :

Tarikh :

*Nota * Potong yang mana berkenaan.*

LAPORAN PEMERIKSAAN TERHADAP BAGI TUJUAN PERAKUAN BOMBA

TUJUAN PEMERIKSAAN

1. Tujuan Pemeriksaan Tandakan Pada Ruangan Disediakan;-

Mendapatkan Perakuan Bomba	Tandakan
Subseksyen 29(4) untuk memastikan kemudahan-kemudahan bagi Kelengkapan Keselamatan Kebakaran adalah mencukupi dan berada dalam keadaan baik bagi perakuan bomba.	
Subseksyen 29(5) untuk memastikan Keperluan-Keperluan di Notis Pemberitahu Tentang Keperluan-Keperluan Yang Perlu Dipatuhi – Borang FC 6 adalah dipatuhi dan berada dalam keadaan baik bagi perakuan bomba.	
Subseksyen 28(2) untuk memastikan tiada perubahan keadaan dan kemudahan-kemudahan bagi kelengkapan keselamatan kebakaran tidak berada dalam keadaan baik bagi perakuan bomba pembaharuan.	
Subseksyen 32 (1) memastikan sama ada terdapat perubahan keadaan yang menyebabkan kemudahan keselamatan diri, pencegahan kebakaran, perlindungan kebakaran dan menentang kebakaran tidak mencukupi berhubungan dengan penggunaan premis tersebut.	
Subseksyen 32(3) untuk memastikan Notis Memberitahu Mengenai Langkah-Langkah Sepatutnya Diambil Terhadap Cadangan Perubahan keadaan-Borang FC 9 telah diambil dengan sewajarnya bagi pindaan perakuan bomba atau perakuan bomba baru.	
Subseksyen 32(4) untuk memastikan langkah-langkah di Notis Mengarahkan Supaya Mengambil Langkah-Langkah Perlu – Borang FC 10 telah diambil dengan sewajarnya bagi perakuan bomba pindaan atau perakuan bomba baru.	

BILANGAN PEMERIKSAAN

2. Pemeriksaan dibuat kali ke

KETERANGAN PEMERIKSAAN

3. Tarikh :/...../..... Masa


4. Pegawai Pemeriksa JBPM :-

	Nama	Pangkat	Balai
(a)			
(b)			
(c)			
(d)			

5. Wakil yang turut hadir (Sebagai Saksi)

	Nama	No. K/P	Jawatan	Tandatangan
(a)				
(b)				
(c)				
(d)				

6. Cop Perniagaan :



ULASAN PEGAWAI PEMERIKSA

7. Setelah membuat pemeriksaan di dapati :-
(Sila lampirkan jika ruang tidak mencukupi)

8. Dengan ini mencadangkan seperti berikut;

Cadangan	DiKeluar	Tidak Dikeluar
Perakuan Bomba di bawah Subseksyen 29(4)		
Perakuan Bomba dibawah Subseksyen 29(5)		
Perakuan Bomba Pembaharuan di bawah Subseksyen 28(2)		
Perakuan Bomba Pindaan di bawah Subseksyen 32(3)		
Perakuan Bomba Baru di bawah Subseksyen 32(3) atau 32(4)		

Cadangan	Tandakan
Laporan kesalahan yang boleh kompaun dengan menggunakan Borang FC 2 dibuat.	
Laporan kesalahan bagi penyediaan Kertas Siasatan untuk didakwa ke Mahkamah dengan menggunakan Borang FC 7 .	

Tarikh:.....

.....
(Pangkat & Nama)

ULASAN PENOLONG PENGARAH BAHAGIAN KESELAMATAN KEBAKARAN

9. Berdasarkan kepada laporan pemeriksaan oleh pegawai pemeriksa, dengan ini saya * menyokong / tidak menyokong cadangan di perkara No. 8 di atas.

Tarikh:.....
(Pangkat & Nama)

ULASAN PENGARAH BOMBA NEGERI

10. Setelah menyemak laporan pemeriksaan di atas, dengan ini saya * meluluskan / tidak meluluskan * perakuan bomba / perakuan bomba pembaharuan / perakuan bomba pindaan / perakuan bomba baru

Tarikh:.....
(Pangkat & Nama)

*Nota * Laporan ini hanya disahkan oleh PBN jika segala syarat-syarat dipenuhi bagi pengeluaran Perakuan Bomba/Pembaharuan/Baru/Pindaan/Gantian. .*

**PERMOHONAN PEMERIKSAAN BAGI TUJUAN
PERAKUAN BOMBA**

YS Pengarah
Jabatan Bomba dan Penyelamat, Malaysia
Negeri

Ruj. Fail JBPM :

Semua * langkah-langkah / keperluan-keperluan telah pun dilaksanakan dengan sempurna dan kemudahan-kemudahan bagi kelengkapan keselamatan kebakaran adalah mencukupi dan berada dalam keadaan baik setiap masa. Dengan ini saya memohon agar pemeriksaan dapat dijalankan.


.....

(Nama :)

Jawatan :

Alamat :

Tarikh :



Cop Syarikat

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT

Pemeriksaan akan dijalankan pada jam
..... Oleh itu sila tuan sediakan pegawai tuan untuk turut
sama ke pemeriksaan tersebut.

.....

(Pangkat & Nama :)

Tarikh :

*Nota * Potong yang mana berkenaan.*

AKTA PERKHIDMATAN BOMBA 1988

Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Bomba (Perakuan Bomba) 2001
(Subperaturan 3 (3), 4(3) dan 5(2))

PEMBAYARAN FI BAGI PERAKUAN BOMBA


Pengarah

.....
.....

Berikut adalah bayaran Fi bagi perakuan bomba:-

1. Penggunaan Premis Ditetapkan :
1. No fail :
2. Tujuan pembayaran * Subperaturan 3(3) perakuan bomba / Subperaturan 3(3) perakuan bomba baru / Subperaturan 4(3) perakuan bomba pembaharuan / Subperaturan 5(2) perakuan bomba gantian/ Subperaturan 4(1) penalti lewat.
3. Cara pembayaran * Wang tunai /kiriman wang/ wang pos/perintah juruwang/cek jurubank /draf bank no. : bernilai RM

.....
(Nama :.....)
No. K/Pengenalan :
Tarikh:.....



Cop Syarikat

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT

Dengan ini saya mengesahkan bahawa pembayaran ini adalah bertujuan untuk
* Subperaturan 3(3) perakuan bomba / Subperaturan 3(3) perakuan bomba baru / Subperaturan 4(3) perakuan bomba pembaharuan / Subperaturan 5(2) perakuan bomba gantian / Subperaturan 4(1) penalti lewat.

.....
(Pangkat & Nama :)

Tarikh :

*Nota * Potong yang mana berkenaan.*

AKTA PERKHIDMATAN BOMBA 1988

Seksyen 29(5)

**NOTIS MEMBERITAHU TENTANG
KEPERLUAN-KEPERLUAN YANG PERLU DIPATUHI**

Kepada

.....
.....
.....

Setelah membuat pemeriksaan ke atas premis (*alamat premis
ditetapkan*).....

..... pada

didapati bahawa kemudahan-kemudahan bagi kemudahan keselamatan diri,
pencegahan kebakaran, perlindungan kebakaran dan menentang kebakaran
adalah tidak mencukupi. Keperluan-keperluan yang perlu di patuhi adalah:-

Keperluan-keperluan ini hendaklah dipatuhi dengan sempurna dalam tempoh
masa Setelah langkah-langkah dinyatakan diatas siap
dilaksanakan, tuan hendaklah mengemukakan kembali Borang **FC 4** untuk
tujuan pemeriksaan. Perakuan Bomba akan dikeluarkan setelah semua
keperluan-keperluan ini dipatuhi dengan sempurna.

SILA AMBIL PERHATIAN BAHAWA jika tuan tidak mematuhi apa-apa
keperluan-keperluan notis ini dalam masa yang dinyatakan, maka premis tuan
dianggap tiada mempunyai Perakuan Bomba. Tiada mempunyai Perakuan
Bomba adalah melakukan kesalahan di bawah seksyen 33.

Bertarikh pada haribulan

.....
(Ketua Pengarah)

**LAPORAN KESALAHAN BERKENAAN DENGAN PERAKUAN BOMBA
UNTUK PENYEDIAAN KERTAS SIASATAN**

- 1) Nama & Alamat Premis :
- 2) No. Siri Perakuan Bomba :
- 3) Nama Pemohon :
(* Pemunya/Penghuni/Pengurusan sepenuhnya)
- 4) No. K/Pengenalan :
- 5) Perihal kesalahan yang dilakukan adalah (sila tanda X yang berkenaan)

Jenis Kesalahan	Tandakan
Seksyen 32 (2) Akta 341 – Membuat perubahan keadaan pada premis berkenaan dengannya perakuan bomba sedang berkuat kuasa sebelum memberikan notis kepada Ketua Pengarah.	
Seksyen 32 (5) Tidak mematuhi arahan Ketua Pengarah supaya langkah diambil untuk menjadikan kemudahan keselamatan diri, pencegahan kebakaran, perlindungan kebakaran dan menentang kebakaran mencukupi.	
Seksyen 33 Akta 341 – Tidak mempunyai perakuan bomba berkuat kuasa berkenaan dengan premis yang ditetapkan.	
Seksyen 54(a) Akta 341– Mana-mana orang yang dengan niat hendak memperdaya, membuat atau memalsukan sesuatu perakuan bomba atau ada dalam miliknya suatu perakuan bomba tak berkebenaran.	
Seksyen 54(b) Akta 341– Mana-mana orang yang semasa membuat permohonan bagi perakuan bomba, membuat apa-apa pernyataan atau memberi apa-apa maklumat palsu.	

- 6) Berikut perihal lengkap kesalahan:-
(Sila lampir jika ruang tidak mencukupi)
- 7) Kesalahan ini boleh didakwa ke Mahkamah. Dicapangkan supaya menyediakan kertas siasatan bagi tujuan pendakwaan. Bersama-sama ini disertakan bahan-bahan bukti.

.....
Pangkat/Nama :.....
Tarikh:

*Nota * Potong yang mana berkenaan.*

AKTA PERKHIDMATAN BOMBA 1988

Seksyen 32(2)

NOTIS CADANGAN PERUBAHAN KEADAAN PREMIS DITETAPKAN

YS Pengarah

Jabatan Bomba dan Penyelamat, Malaysia

Negeri

Saya dengan ini bercadang untuk membuat perubahan keadaan ke atas premis ditetapkan. Maklumat berkaitan dengan premis dan perubahan keadaan yang dicadangkan adalah seperti berikut :-

Nama Pemohon :

(Penghuni)

Nama & Alamat Premis :

.....

No. Siri Perakuan Bomba :

Perubahan keadaan dibuat adalah melibatkan kemudahan-kemudahan bagi kelengkapan keselamatan kebakaran yang berikut :-

- | | |
|---------|----------------------------|
| [] | Kemudahan keselamatan diri |
| [] | Pencegahan Kebakaran |
| [] | Perlindungan kebakaran |
| [] | Menentang Kebakaran |

Bersama-sama ini disertakan pelan premis yang dicadangkan untuk dibuat perubahan keadaan.

.....

Tarikh :

Nama :

No. Kad Pengenalan :

AKTA PERKHIDMATAN BOMBA 1988

Seksyen 32(3)

**NOTIS MEMBERITAHU MENGENAI LANGKAH-LANGKAH SEPATUTNYA
DIAMBIL TERHADAP CADANGAN PERUBAHAN KEADAAN**

Kepada

.....
.....
.....

Setelah membuat kajian ke atas permohonan tuan yang bercadang hendak membuat sesuatu perubahan keadaan, didapati kemudahan-kemudahan bagi kelengkapan keselamatan kebakaran tidak mencukupi berhubungan dengan apa-apa penggunaan premis yang diliputi oleh perakuan bomba berkenaan. Berikut adalah langkah-langkah yang sepatutnya diambil :-

(Sila sertakan lampiran jika ruang tidak mencukupi)

Langkah-langkah ini hendaklah disiapkan dalam tempoh masa
Setelah langkah-langkah dinyatakan diatas siap dilaksanakan, tuan hendaklah mengemukakan kembali Borang **FC 4** untuk tujuan pemeriksaan.

Bertarikh pada haribulan

.....
(Ketua Pengarah)

AKTA PERKHIDMATAN BOMBA 1988

Seksyen 32(4), 32(5) dan 33.

**NOTIS MENGARAHKAN SUPAYA MENGAMBIL LANGKAH-LANGKAH PERLU
TERHADAP PERUBAHAN KEADSAAN YANG TELAH DILAKSANAKAN**

Kepada

Semasa membuat pemeriksaan ke atas premis tuan yang telah dikeluarkan suatu Perakuan Bomba, didapati kemudahan keselamatan kebakaran tidak mencukupi berhubungan dengan apa-apa penggunaan premis yang diliputi oleh perakuan bomba berkenaan. Berikut adalah langkah-langkah yang sepatutnya diambil :-

(Sila sertakan lampiran jika ruang tidak mencukupi)

Langkah-langkah ini hendaklah disiapkan dalam tempoh masa Setelah langkah-langkah dinyatakan di atas siap dilaksanakan, tuan hendaklah mengemukakan kembali Borang **FC 4** untuk tujuan pemeriksaan.

SILA AMBIL PERHATIAN BAHAWA jika langkah-langkah dinyatakan di atas tidak diambil, di bawah seksyen 32(4)(b) perakuan bomba akan dibatalkan dan tiada perakuan bomba adalah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 33. Di bawah seksyen 32(4), jika tuan tidak mematuhi arahan di atas juga melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 32(5).

Bertarikh pada haribulan

.....
(Ketua Pengarah)

AKTA PERKHIDMATAN BOMBA 1988
Seksyen 34

LAPORAN SEMAKAN RAYUAN

MAKLUMAT PREMIS

1. Nama dan Alamat Premis :
.....
.....
1. Nama dan Alamat Pemohon :
.....
.....
2. No. fail :

ASAS-ASAS RAYUAN

3. Asas-asas rayuan seperti mana dalam surat rayuan bil.
bertarikh adalah:-

ULASAN PEGAWAI PENYEMAK

4. Berdasarkan kepada asas-asas dan semakan dibuat, dengan ini saya mencadangkan berikut:-

Tarikh:.....
(Pangkat & Nama)

ULASAN PENOLONG PENGARAH BAHAGIAN KESELAMATAN KEBAKARAN

5. Berdasarkan kepada laporan pemeriksaan oleh pegawai pemeriksa dengan ini saya * menyokong / tidak menyokong cadangan di perkara No. 5 di atas dengan alasan berikut :-

Tarikh:.....
(Pangkat & Nama)

ULASAN PENGARAH BOMBA NEGERI

6. Setelah menyemak laporan pemeriksaan di atas dengan saya mencadangkan agar rayuan * diberi pertimbangan atau tidak diberi pertimbangan dengan alasan berikut;

Tarikh:.....
(Pangkat & Nama)

*Nota * Potong yang mana berkenaan.*

AKTA PERKHIDMATAN BOMBA 1988

Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Bomba (Perakuan Bomba) 2001
(Peraturan 5)

**LAPORAN SEMAKAN MAKLUMAT TENTANG
KEHILANGAN ATAU KEMUSNAHAN PERAKUAN BOMBA**

MAKLUMAT PREMIS

- 1) Nama dan Alamat Premis :
.....
.....
- 2) Nama dan Alamat Pemohon :
.....
.....
- 3) No. fail :

FI PEMBAYARAN

- 4) Fi pembayaran bernilai RM 50.00 telah pun dijelaskan seperti mana Borang **FC 5**.

**MAKLUMAT-MAKLUMAT YANG MEMBUKTIKAN KEHILANGAN ATAU
KEMUSNAHAN**

- 5) Maklumat-maklumat yang membuktikan kehilangan atau kemusnahan perakuan bomba seperti di surat bil. bertarikh adalah:-

ULASAN PEGAWAI PENYEMAK

- 6) Berdasarkan kepada maklumat-maklumat dan semakan dibuat, dengan ini saya mencadang berikut :-

Tarikh:.....
(Pangkat & Nama)

ULASAN PENOLONG PENGARAH BAHAGIAN KESELAMATAN KEBAKARAN

- 7) Berdasarkan kepada laporan pemeriksaan oleh pegawai pemeriksa dengan saya * menyokong / tidak menyokong cadangan di perkara No. 6 di atas.

Tarikh:.....
(Pangkat & Nama)

ULASAN PENGARAH BOMBA NEGERI

- 8) Setelah menyemak laporan pemeriksaan di atas dengan saya * meluluskan / tidak meluluskan Perakuan Bomba Gantian.

Tarikh:.....
(Pangkat & Nama)

*Nota * Potong yang mana berkenaan.*

AKTA PERKHIDMATAN BOMBA 1988

Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Bomba (Perakuan Bomba) 2001
(Subperaturan 5(2))

**MAKLUMAT-MAKLUMAT TENTANG KEHILANGAN ATAU KEMUSNAHAN
PERAKUAN BOMBA**

Kepada

Setelah membuat semakan ke atas permohonan tuan, berikut adalah maklumat-maklumat yang diperlukan;

SILA AMBIL PERHATIAN BAHAWA tuan dikehendaki untuk mengemukakan maklumat ini sebelum Mengikut subperaturan 5(3) Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Bomba (Perakuan Bomba) 2001, mana-mana orang yang tidak mengemukakan maklumat-maklumat yang dikehendaki seperti di atas adalah melakukan kesalahan.

Bertarikh pada haribulan

.....
(Ketua Pengarah)

AKTA PERKHIDMATAN BOMBA 1988

PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN BOMBA (PERAKUAN BOMBA) 2001

BORANG I

(Peraturan 2)

PERMOHONAN BAGI PERAKUAN BOMBA

BAHAGIAN I

Pengarah,
Jabatan Bomba dan Penyelamat,
Negeri.....

Saya/
Kami.....
Ingin memohon perakuan bomba bagi premis ditetapkan di bawah:
(Nyatakan alamat penuh premis ditetapkan)

.....
.....

BAHAGIAN II

1. Nama pemohon (pemunya/ penghuni/ orang yang mempunyai pengurusan sepenuhnya mengenai premis):
.....
.....
2. Nombor kad pengenalan:
3. Nombor pemunyaan terbaru premis:
(sila sertakan salinan yang sah)
4. Nombor pendaftaran perniagaan:.....
Daerah:..... Negeri:.....
5. Alamat premis:.....
.....
.....
Daerah:..... Negeri:.....
6. Alamat pos:.....
.....
.....
7. Reka bentuk premis (*bilangan tingkat, luas lantai, jenis penghuni dsb.*)
.....
.....
8. Lokasi premis (*nyatakan lokasi premis dan sertakan pelan lokasi*)

.....
.....
9. Tarikh kelulusan dan nombor rujukan pelan yang diluluskan bagi premis:

(a) Nombor rujukan Pihak Berkuasa Tempatan:.....

Tarikh kelulusan:.....

(b) Nombor rujukan Jabatan Bomba dan Penyelamat:

.....

Tarikh kelulusan:.....

10. Butir-butir tentang kemudahan keselamatan diri, pencegahan kebakaran, perlindungan kebakaran dan menentang kebakaran bagi premis.

(Tandakan _/ jika berkenaan)

10.1 Kemudahan keselamatan diri

ADA / TIADA

(a) Tanda tempat keluar kecemasan /

(b) Lampu kecemasan /

(c) Tatacara semasa kebakaran /

(d) Notis keselamatan kebakaran /

(e) Tangga terlindung /

(f) Koridor terlindung /

(g) Pintu keluar /

(h) Pintu keluar tingkat /

(i) Sistem lain (nyatakan):

.....

10.2 Kemudahan Pencegahan kebakaran

ADA / TIADA

(a) Sistem pengesan api automatik /

Nyatakan jenisnya:.....

(b) Sistem siar raya /

(c) Sambungan talian terus elektrik atau talian terus telefon ke balai bomba:

(i) Sistem pengawasan berkomputer /

(ii) Lain-lain (nyatakan):.....

(d) Pusat pemerintahan dan kawalan /

(e) Lain-lain (nyatakan):.....

10.3 Kemudahan Perlindungan kebakaran

ADA / TIADA

(a) Pintu api /

(b) Pendawaian elektrik /

(c) Petak /

(d) Pengadang api /

(e) Seseat api /

(f) Sistem pengudaraan asap /

(g) Suis pengasing elektrik /

(h) Lain-lain (nyatakan):.....

10.4 Kemudahan menentang kebakaran

ADA / TIADA

(a) Alat pemadam api /

(b) Pili bomba /

Unit:.....

(c) Pili bomba bertekanan /

Unit:.....

(d) Sistem hos gelung /

(e) Sistem pancur basah /

(f) Sistem pancur kering /

(g) Sistem semburan automatik /

(h) Sistem penyimbah /

(i) Sistem karbon dioksida /

(j) Lif bomba /

(k) Tangga menentang kebakaran /

(l) Ruang laluan masuk menentang kebakaran /

- (m) Sistem penyampaian suara /
- (n) Laluan masuk perkakas bomba /
- (o) Bekalan air /
 liter
- (p) Simpanan buih /
 liter
- Jenis:.....
- (q) Lain-lain (nyatakan):.....

10.5 Peruntukan khas

ADA / TIADA

- (a) Landasan helikopter /
- (b) Tingkat kecemasan /
- (c) Lain-lain (nyatakan):.....

10.6 Organisasi keselamatan kebakaran di premis

ADA / TIADA

- (a) Pengurus keselamatan kebakaran /
- (b) Pegawai keselamatan kebakaran /
- (c) Bilangan kakitangan /
- (d) Bilangan kenderaan /
- (e) Peralatan /
- (f) Latihan berkala /

11. Butir-butir tentang penyelenggaraan kemudahan keselamatan kebakaran

- (a) Nama kontraktor:.....
- (b) Kelas kontraktor:.....
- (c) Alamat:.....

- (d) Nombor pendaftaran:.....

(e) Penyelenggaraan berkala:.....

(f) Tempoh kontrak:..... tahun.....

(g) Tarikh penyelenggaraan terakhir:.....

MUSTAHAK

Butir-butir mengenai tarikh pemasangan, kelulusan sistem oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat bersama maklumat tentang kontraktor perlulah dikemukakan.

Saya/ Kami mengaku bahawa sepanjang pengetahuan saya / kami, segala keterangan yang diberikan dalam borang permohonan ini adalah benar dan betul.

Tarikh:.....

Tandatangan pemohon:.....

(Cop rasmi)

AKTA PERKHIDMATAN BOMBA 1988

PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN BOMBA (PERAKUAN BOMBA) 2001

BORANG II

(Subperaturan 3(1))

PERAKUAN BOMBA

No:.....

Diperakui bahawa premis ini

.....
.....

telah mematuhi kehendak kemudahan keselamatan diri, pencegahan kebakaran, perlindungan kebakaran dan menentang kebakaran di bawah Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

Perakuan ini sah

dari..... hingga.....
dengan syarat bahawa kemudahan itu kekal dalam keadaan baik pada setiap masa.

.....
Ketua Pengarah
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

Tarikh:.....

AKTA PERKHIDMATAN BOMBA 1988

PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN BOMBA (PERAKUAN BOMBA) 2001

BORANG III

(Perenggan 4(2)(a))

PERMOHONAN BAGI PEMBAHARUAN PERAKUAN BOMBA

Pengarah,
Jabatan Bomba dan Penyelamat,
Negeri.....

Saya/
Kami.....
ingin memohon pembaharuan perakuan bomba bagi premis ditetapkan yang berikut: *(Nyatakan alamat penuh premis ditetapkan)*

.....
.....
.....
.....

2. No. rujukan tuan ialah:.....

*3. Saya/ Kami dengan ini mengakui bahawa tiada terdapat perubahan keadaan pada premis itu dan dengan itu maklumat yang diberikan dalam Bahagian II permohonan saya/ kami berkenaan dengan premis ditetapkan itu yang bertarikh masih terpakai.

*4. Saya/ Kami dengan ini mengakui bahawa terdapat perubahan yang ketara pada premis itu, dengan itu saya/ kami mengemukakan semula Bahagian II permohonan saya/ kami berkenaan dengan premis ditetapkan itu.

(Sila ini Bahagian II Borang I Jadual A)

Tarikh:.....

Tandatangan pemohon:.....

(Cop rasmi)

* potong mana yang tidak berkenaan

BUKU REKOD UTAMA PERAKUAN BOMBA

1. Maklumat utama yang perlu dicatatkan dalam Buku Rekod Utama Perakuan Bomba adalah seperti berikut :-
 - a) Perkara 1 - Bilangan;
 - b) Perkara 2 - Nama dan Alamat Premis
 - c) Perkara 3 - Kegunaan Premis
 - d) Perkara 4 - No. Rujukan Fail
 - e) Perkara 5 - No. Perakuan Bomba
 - f) Perkara 6 - No. Siri
 - g) Perkara 7 - Tarikh Permohonan Perakuan
 - h) Perkara 8 - Tarikh Perakuan Bomba Dikeluarkan
 - i) Perkara 9 - Tarikh Pembaharuan Perakuan Bomba Dikeluarkan
 - j) Perkara 10 - Tarikh Pindaan Perakuan Bomba
 - k) Perkara 11 - Tarikh Perakuan Bomba Gantian
 - l) Perkara 12 - Tarikh Perakuan Bomba Baru

Sila rujuk contoh di **Lampiran F1**

BUKU REKOD UTAMA PERAKUAN BOMBA

[illegible]

PROSES PERMOHONAN DAN PENGELUARAN PERAKUAN BOMBA

SEMAK BORANG PERMOHONAN

1) Semasa menerima borang permohonan di kaunter, Pegawai Pendaftar hendaklah membuat semakan Borang Permohonan (Borang I) bagi memastikan semua maklumat diisi lengkap dengan menggunakan senarai semak **Borang FC 1**.

AKUAN TERIMA PERMOHONAN

2) Jika borang permohonan lengkap diisi maka Pegawai Pendaftar hendaklah mengeluarkan **Kad Akuan Terima** dengan menggunakan format dalam **Lampiran H1**.

AKUAN TOLAK PERMOHONAN

3) Jika borang permohonan tidak lengkap diisi seperti yang dikehendaki dalam senarai semak **FC 1**, maka Pegawai Pendaftar hendaklah mengeluarkan **Kad Akuan Tolak** dengan menggunakan format dalam **Lampiran H2** berserta **Borang FC 1** dan **Borang I** untuk dikembalikan bersama.

BUKU REKOD

4) Setelah **Borang I** diisi lengkap, isikan semua maklumat ke Buku Rekod Utama Perakuan Bomba.

BUKA FAIL PREMIS DITETAPKAN

5) Setelah menerima borang permohonan, Pegawai Pendaftar hendaklah membuka fail bagi permohonan itu.

EDAR FAIL PREMIS DITETAPKAN

6) Setelah fail dibuka, Pegawai Pendaftar hendaklah menyerahkan fail tersebut kepada Penolong Pengarah Negeri Bahagian Keselamatan Kebakaran (PPN BKK). Kemudian PPN BKK hendaklah mengedarkan fail tersebut kepada Pegawai Semak.

PENGKAJIAN PERMOHONAN

7) Pegawai semak setelah menerima fail premis ditetapkan hendaklah menyemak permohonan tersebut dengan mengambil tindakan berikut:-

(a) Mendapatkan Maklumat Premis

Maklumat awal premis hendaklah didapatkan dengan menyemak fail-fail berkaitan iaitu:

- i) Pelan asal premis semasa surat sokongan menduduki bangunan dikeluarkan atau Penguatkuasaan Akta.
- ii) Surat sokongan pengeluaran lesen perniagaan dan sebagainya bagi premis itu.

(b) Mendapatkan Pelan Premis serta Butir-Butir Lain Yang Relevan

- i) Subseksyen 29(2), jika perlu, pegawai diwakilkan kuasa boleh menghendaki pemohon mengemukakan pelan premis tersebut serta apa-apa butir-butir lain yang relevan dengan menggunakan format **Surat Mengemukakan Pelan Premis Serta Apa-Apa Butir-Butir Lain Yang Relevan** sepertimana dalam **Lampiran H3**.
- ii) Keperluan untuk mengemukakan pelan premis adalah apabila pelan yang sedia ada tiada atau tidak lengkap atau menghendaki pelan terkini kerana terdapat pengubahsuaian setelah mendapat sijil kelayakan menduduki bangunan.

- iii) Pelan premis yang dikemukakan hendaklah memenuhi kehendak-kehendak yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah dalam memproses Perakuan Bomba, Perakuan Bomba Baru, Perakuan Bomba Pembaharuan, Perakuan Bomba Pindaan dan Perakuan Bomba Gantian. Ciri-ciri pelan premis adalah seperti di **Lampiran H4**.
- iv) Butir-butir lain yang relevan yang boleh diminta adalah surat pemilikan premis terkini, hakmilik tanah, salinan cukai pintu, lesen perniagaan atau lain-lain butir-butir yang berkaitan.
- v) Tempoh masa bagi pemohon untuk mengemukakan Pelan Premis serta Butir-Butir Lain Yang Relevan hendaklah dinyatakan berdasarkan kesesuaian untuk mendapatkan butir-butir tersebut.
- vi) Subseksyen 29(3) jika pemohon yang tidak mengemukakan pelan-pelan yang dikehendaki dan butir-butir relevan tersebut dalam masa yang dinyatakan, maka permohonan itu **disifatkan telah ditarik balik**.
- vii) Ini bermakna bahawa premis tersebut **tiada** mempunyai perakuan bomba. Mengikut seksyen 33 tiada perakuan bomba adalah melakukan kesalahan. Pegawai semak hendaklah membuat laporan mengenai kesalahan ini kepada PPN BKK dengan menggunakan **Borang FC 7** untuk membuka kertas siasatan.

(C) Pengesahan Pelan

- (i) Sekiranya Pegawai Penyemak mendapati bahawa, premis ditetapkan yang memohon perakuan bomba perlu mengemukakan pelan baru, disebabkan perkara-perkara berikut;
 - a. Hilang; atau
 - b. Musnah; atau
 - c. Kegunaan Premis Telah Diubah; atau
 - d. Premis tersebut telah mengalami perubahan keadaan setelah mendapat sijil menduduki bangunan; atau

- e. Pelan premis tersebut tidak pernah dirujuk dengan JBPM.

Pegawai semak hendaklah mengarahkan pemohon menyediakan pelan tersebut dengan menggunakan format surat seperti di **Lampiran H3**.

- (ii) Pemohon perlu menyediakan dua perenggu pelan yang ditandatangani oleh orang berkelayakan dengan disertakan pengiraan hidrolik (*Hydrolic Calculation*) bagi pelan M&E.
- (iii) Pelan-pelan tersebut hendaklah diserahkan oleh pemohon dalam tempoh yang ditetapkan dalam surat seperti di **Lampiran H3**.
- (iv) Setelah mendapat pelan-pelan premis yang diperlukan, pegawai semak hendaklah membuat semakan secara terperinci.
- (v) Semakan dan kajian hendaklah merujuk kepada Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984 (UUKBS 1984) tentang perkara-perkara berikut;
 - a. Pelan Tapak;
 - Pastikan Akses Perkakas Bomba mencukupi bagi kegunaan premis tersebut.
 - Punca air seperti Pili Bomba dan air terbuka.
 - b. Pelan Lokasi
 - Mengenalpasti lokasi premis tersebut berada.
 - Mengenalpasti risiko yang wujud di sekitar premis tersebut.
 - c. Pelan Keratan
 - Mengenalpasti ketinggian premis tersebut.
 - Mengkaji perlindungan kebakaran pasif adalah memenuhi kehendak UUKBS 1984.

- d. Pelan Lantai
 - Mengenalpasti keluasan lantai
 - Mengenalpasti jenis bahan binaan.
 - Mengkaji “Mean of escape” mematuhi kehendak UUKBS 1984.
 - Mengkaji perlindungan kebakaran aktif adalah mencukupi bagi kegunaan bangunan tersebut.

- e. Pelan Pandangan
 - Mengenalpasti jenis bumbung.

- f. Pelan M & E
 - Dapatkan pengiraan (*Calculation Paper*) kelengkapan menentang kebakaran berkaitan.
 - Kaji kedudukan kelengkapan menentang kebakaran pada pelan sama ada mengikut pengiraan (*Calculation Paper*) dan piawaian yang digunapakai.

- g. Mendapatkan Maklumat Daripada Orang berkekeluargaan
 - Kegunaan Bangunan
 - Pengiraan Kependudukan
 - Mengenalpasti Jumlah laluan Keluar/Pintu Keluar adalah mencukupi.
 - Analisa Risiko Kebakaran (*Fire Risk Analysis*).

- vi) Semakan dan kajian hendaklah menjurus kepada kelengkapan keselamatan kebakaran (kemudahan keselamatan diri, pencegahan kebakaran, perlindungan kebakaran dan menentang kebakaran) adalah **mencukupi** berdasarkan penggunaan premis tersebut.

- vii) Semua pelan yang telah selesai dikaji dan memenuhi kehendak-kehendak kebombaan yang diperlukan menurut UUKBS 1984 dan piawaian ditetapkan hendaklah dicop di setiap helaian pelan dan ditandatangani pada ruang disediakan untuk sokongan pengesahan.

- viii) Setiap cop hendaklah mengandungi nombor bilangan fail, tandatangan, nama pegawai bomba yang menyemak dan mengesahkan beserta dengan tarikh, contoh cop adalah seperti di **Lampiran H5**.
- viii) Pegawai Semak hendaklah menyerahkan hasil kajiannya berserta fail premis kepada PPN BKK untuk ulasan dan pengesahan pelan. Laporan semakan hendaklah disediakan menggunakan format seperti di **Lampiran H6**.
- ix) Carta aliran kerja memproses pelan adalah seperti di **Lampiran H7**.

(d) Menolak Pelan Yang Tidak Memenuhi Kehendak UUKBS 1984

- i) Mana-mana pelan yang tidak memenuhi kehendak-kehendak UUKBS 1984 atau piawaian yang ditetapkan, hendaklah ditolak dan dikembalikan kepada pemohon dengan mengeluarkan Notis Memberitahu Mengenai Langkah-Langkah Sepatutnya Diambil **Borang FC 9** berserta **Borang FC 4**.
- ii) Pegawai Semak hendaklah mencatatkan perkara-perkara yang perlu dipatuhi oleh pemohon dalam **Borang FC 9** dan tempoh yang munasabah hendaklah diberi kepada pemohon untuk melaksanakan notis tersebut.
- iii) **Borang FC 9** hendaklah ditandatangani oleh pegawai yang diwakilkan kuasa.
- iii) Setelah kehendak-kehendak **Borang FC 9** dilaksanakan, pelan tersebut hendaklah dikaji semula berdasarkan Arahan 7 (C) (v) di atas.
- iv) Setelah tempoh dalam **Borang FC 9** tamat dan pemohon masih tidak melaksanakan kehendak-kehendak yang ditetapkan dalam

notis tersebut maka, permohonan tersebut disifatkan telah ditarik balik menurut Seksyen 29 (3) Akta. Pegawai Penyemak hendaklah membuat laporan kepada PPN BKK menggunakan **Borang FC 7** untuk membuka kertas siasatan di bawah Seksyen 33 Akta.

PEMERIKSAAN PREMIS

- 8) Pemeriksaan ke atas premis hanya boleh dibuat setelah perkara berikut dipatuhi
 - a) Jika borang permohonan dan apa-apa maklumat bagi perakuan bomba telah dibuat dengan **sempurna**; atau
 - b) Pelan bagi premis ditetapkan telah disemak dan disahkan bagi pelan baru.
- 9) Pemeriksaan dibuat untuk memastikan kemudahan-kemudahan bagi kelengkapan keselamatan kebakaran adalah mencukupi seperti dalam pelan yang diluluskan dan berada dalam keadaan baik.
- 10) Pemeriksaan hendaklah dijalankan oleh sekurang-kurangnya 2 orang yang terdiri daripada mana-mana pegawai bomba yang diberikuasa daripada Ibu Pejabat JBPM Negeri atau Pejabat Penguasa/Ketua Zon dimana permohonan di proses atau Balai Bomba terletakanya premis tersebut.
- 11) Laporan Pemeriksaan hendaklah dibuat dengan menggunakan **Borang FC 3** dan dikemukakan kepada PPN BKK untuk semakan.
- 12) PPN BKK hendaklah membuat semakan serta memberi ulasan di Borang **FC 3**.

NOTIS MEMBERITAHU TENTANG KEPERLUAN-KEPERLUAN YANG PERLU DIPATUHI

- 13) Subseksyen 29(5), setelah membuat pemeriksaan dan **tidak berpuashati** tentang apa-apa kemudahan bagi kelengkapan keselamatan kebakaran yang mencukupi berhubungan dengan penggunaan premis ditetapkan itu maka PBN atau Timbalan Pengarah (TPBN) atau PPN BKK hendaklah mengeluarkan **notis** kepada

pemohon, memberitahunya tentang **keperluan-keperluan yang perlu** dipatuhi dalam **tempoh masa yang dinyatakan** sebelum perakuan bomba boleh dikeluarkan kepada pemohon.

14) Notis ini dinamakan **Notis Memberitahu Tentang Keperluan-Keperluan Yang Perlu Dipatuhi** iaitu **Borang FC 6**.

15) **Borang FC 6** dikeluarkan bersama-sama dengan Borang Permohonan Pemeriksaan iaitu **Borang FC 4**.

16) Keperluan-Keperluan yang perlu dipatuhi adalah apa-apa kemudahan bagi kelengkapan keselamatan kebakaran yang perlu diadakan di premis ditetapkan tersebut berdasarkan penggunaannya. Kecukupan keperluan-keperluan ini adalah berdasarkan kepada UUKBS 1984. Contoh keperluan-keperluan tersebut adalah di **Lampiran H8**.

17) Jika keperluan-keperluan yang dinyatakan di notis tersebut telah dibuat dengan **sempurnanya** dalam tempoh masa yang dinyatakan maka suatu pemeriksaan seterusnya ke atas premis ditetapkan itu boleh dijalankan.

18) Tujuan pemeriksaan ini adalah memastikan keperluan-keperluan yang dinyatakan di notis tersebut di atas telah dipatuhi dan berada dalam keadaan baik.

19) Laporan Pemeriksaan hendaklah dibuat dengan menggunakan **Borang FC 3**. Laporan pemeriksaan hendaklah dikemukakan kepada PPN BKK untuk semakan.

20) PPN BKK hendaklah membuat semakan serta memberi ulasan pada **Borang FC 3**.

21) **Borang FC 3** yang telah disemak oleh PPN BKK hendaklah disahkan oleh PBN.

FI PERAKUAN BOMBA

22) Jika semua kemudahan-kemudahan bagi kelengkapan keselamatan kebakaran adalah mencukupi dan berada dalam keadaan baik maka surat seperti di **Lampiran H9** memohon untuk membuat pembayaran Fi hendaklah dikeluarkan. Pembayaran fi

adalah dengan menggunakan **Borang FC 5**. Kaedah pembayaran adalah seperti di **Lampiran G**.

PENGELUARAN PERAKUAN BOMBA

23) Subseksyen 29(4), **Perakuan Bomba** boleh dikeluarkan setelah membuat pemeriksaan dan perkara-perkara berikut dipatuhi:-

- a) Kemudahan-kemudahan bagi kelengkapan keselamatan kebakaran adalah mencukupi dan berada dalam keadaan baik,
- b) Mendapat sokongan daripada PPN BKK dan
- c) Mendapat kelulusan daripada PBN.
- d) Fi telah dibayar,

24) Selepas itu maka perakuan bomba hendaklah dikeluarkan kepada pemohon dengan menggunakan surat seperti format di **Lampiran H10**. Contoh pengisian Perakuan Bomba adalah seperti di **Lampiran H11**.

PENGELUARAN PERAKUAN BOMBA SETELAH NOTIS DIPATUHI

25) Mengikut Subseksyen 29(4), **Perakuan Bomba** boleh juga dikeluarkan setelah membuat pemeriksaan ke atas keperluan-keperluan yang dinyatakan dalam notis yang dikeluarkan dan perkara-perkara berikut dipatuhi:-

- a) Berpuashati keperluan-keperluan yang dinyatakan di notis tersebut telah dipatuhi dan berada dalam keadaan baik,
- b) Mendapat sokongan daripada PPN BKK,
- c) Mendapat kelulusan daripada PBN dan
- d) Fi telah dibayar

26) Selepas itu maka perakuan bomba hendaklah dikeluarkan kepada pemohon dengan menggunakan surat seperti format di **Lampiran H10**. Contoh pengisian Perakuan Bomba adalah seperti di **Lampiran H11**.

TIDAK MEMATUHI NOTIS MEMBERITAHU TENTANG KEPERLUAN-KEPERLUAN YANG PERLU DIPATUHI

27) Jika pemohon yang tidak mematuhi Notis Memberitahu Tentang Keperluan-Keperluan Yang Perlu Dipatuhi – **Borang FC 6** dalam tempoh masa yang dinyatakan, maka premis itu **dianggap tiada mempunyai perakuan bomba**.

28) Ini bermakna premis tersebut **tiada** mempunyai perakuan bomba. Mengikut seksyen 33 tiada perakuan bomba adalah melakukan kesalahan. Pegawai Pemeriksa hendaklah membuat laporan mengenai kesalahan ini kepada PPN BKK dengan menggunakan **Borang FC 7** untuk tindakan selanjutnya bagi tujuan penyediaan kertas siasatan.

29) Carta aliran kerja bagi memproses pengeluaran suatu perakuan bomba adalah seperti dalam **Lampiran H13**.

Kad Akuan Terima

Muka Depan

Lam-F1	URUSAN SERI PADUKA BAGINDA	Setem
Kepada		
.....		
.....		
.....		
Untuk pertanyaan lanjut sila hubungi alamat dan telefon di bawah		

Muka Belakang

JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
Kad Akuan Terima
Permohonan* Perakuan Bomba /Pembaharuan Perakuan Bomba
No. Rujukan Kami:..... Tarikh:.....
Dengan ini dimaklumkan bahawa Ketua Pengarah telah menerima Permohonan* Perakuan Bomba / Pembaharuan Perakuan Bomba tuan yang bertarikh No. Rujukan yang sedang dalam perhatian.
 Nota : * Potong mana yang berkenaan.

Kad Akuan Tolak

Muka Depan

Lam-F2	URUSAN SERI PADUKA BAGINDA Kepada Untuk pertanyaan lanjut sila hubungi alamat dan telefon di bawah Setem
--------	---

Muka Belakang

JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA Kad Akuan Tolak Permohonan* Perakuan Bomba/Pembaharuan Perakuan Bomba No. Rujukan Kami:..... Tarikh:..... Dengan ini dimaklumkan bahawa Ketua Pengarah telah menerima Permohonan* Perakuan Bomba/Pembaharuan Perakuan Bomba tuan yang bertarikh No. Rujukan Dukacita dimaklumkan bahawa borang permohonan tersebut tidak lengkap sepertimana dinyatakan dalam Borang FC 1 yang disertakan bersama ini. Nota : * Potong mana yang berkenaan

**PROSES PERMOHONAN
PERUBAHAN KEADAAN YANG MENJEJASKAN KECUKUPAN KELENGKAPAN
KESELAMATAN KEBAKARAN**

NOTIS CADANGAN PERUBAHAN KEADAAN PREMIS DITETAPKAN

1. Seksyen 32(2) Akta 341, jika **penghuni** mana-mana premis ditetapkan bercadang hendak membuat sesuatu **perubahan keadaan** pada premis itu semasa suatu perakuan bomba berkuatkuasa berkenaan dengannya, maka dia hendaklah memberi notis mengenai cadangan itu.
2. Notis ini dinamakan **Notis Cadangan Perubahan Keadaan Premis Ditetapkan** iaitu **Borang FC 8**. Penghuni tersebut hendaklah mengemukakan Notis itu (Borang FC 8) atau mengemukakan notis secara bertulis kepada PBN, PPN BKK atau Penguasa/Ketua Zon berkenaan sebelum perlaksanaan cadangan itu dimulakan berserta dengan Pelan Perubahan yang dicadangkan.
3. Pelan Perubahan Keadaan hendaklah ditandatangani oleh orang berkeelayakan dan Pengiraan bagi perubahan keadaan berkaitan hendaklah dikepilkan sekali.
4. Jika Penghuni mengemukakan notis secara bertulis, pegawai pendaftar hendaklah mengisi **Borang FC 8** dan meminta Penghuni menandatangani (Borang FC 8).
5. Pegawai Pendaftar hendaklah mendaftarkan permohonan perubahan keadaan ke dalam Buku Rekod Utama Perakuan Bomba kemudian mendapatkan fail induk dan serahkan pelan cadangan perubahan keadaan bersama-sama fail induk kepada PPN BKK untuk diagihkan kepada pegawai semak.
6. Setelah mendapat notis cadangan perubahan tersebut iaitu **Borang FC 8**, PPN BKK hendaklah mengedarkan fail serta pelan premis ke Pegawai Semak untuk dibuat kajian.

MENGAJAI PELAN PERUBAHAN KEADAAN

7. Pegawai semak hendaklah membuat kajian terperinci ke atas pelan cadangan perubahan keadaan dengan menumpukan kepada kecukupan kelengkapan keselamatan kebakaran sebagaimana ditetapkan di bawah UUKBS 1984 berdasarkan kegunaan premis tersebut.
8. Kajian dibuat bagi memastikan sama ada perubahan tersebut akan mengakibatkan kemudahan-kemudahan bagi kelengkapan keselamatan kebakaran **tidak mencukupi** berhubung dengan apa-apa penggunaan premis yang diliputi oleh perakuan bomba yang berkenaan.
9. Sekiranya pelan cadangan tersebut **telah memenuhi kehendak-kehendak kebomgaan** yang diperlukan menurut UUKBS 1984, pegawai semak hendaklah memasukan perubahan keadaan yang dicadangkan pada Notis dengan menggunakan **Borang FC 9**. Setiap helaian pelan hendaklah ditandatangani oleh pegawai semak untuk sokongan pengesahan pelan. Pelan tersebut hendaklah, diserahkan kepada PPN BKK untuk semakan dan pengesahan bersama-sama **Borang FC 9** untuk ditandatangani.
10. Pelan cadangan perubahan keadaan yang telah disahkan hendaklah dikembalikan kepada pemohon berserta **Borang FC 9** dan **Borang FC 4** untuk dilaksanakan.
11. Sekiranya pelan cadangan tersebut **tidak memenuhi kehendak-kehendak kebomgaan** yang diperlukan menurut UUKBS 1984, pegawai semak hendaklah menetapkan kehendak-kehendak kebomgaan dan memasukan perubahan keadaan yang dicadangkan kepada Notis dengan menggunakan **Borang FC 9**. **Borang FC 9** tersebut hendaklah, diserahkan kepada PPN BKK untuk semakan dan untuk ditandatangani.
12. **Borang FC 9** mengenai cadangan perubahan keadaan yang telah ditandatangani hendaklah dikembalikan kepada pemohon berserta **Borang FC 9** dan **Borang FC 4** untuk dipatuhi.

13. Apabila pemohon menerima Notis melalui **Borang FC 9** (rentetan dari para 12), pemohon hendaklah menyediakan pelan cadangan perubahan keadaan dengan memasukkan keperluan-keperluan seperti yang dikehendaki dalam **Borang FC 9**.

14. Pelan cadangan perubahan keadaan yang telah lengkap hendaklah diserahkan semula kepada JBPM untuk pengesahan. Pegawai Pendaftar hendaklah mendaftarkan permohonan dan mendapatkan fail induk premis berkenaan dan serahkan kepada PPN BKK.

15. PPN BKK akan mengedarkan pelan cadangan perubahan keadaan bersama fail kepada pegawai semak.

16. Sekiranya pelan cadangan tersebut **telah memenuhi kehendak-kehendak kebomgaan** yang diperlukan menurut UUKBS 1984, tindakan seperti di para 9 dan 10 hendaklah dilaksanakan.

17. Sekiranya pelan cadangan tersebut **tidak memenuhi kehendak-kehendak kebomgaan** yang diperlukan menurut UUKBS 1984, tindakan seperti di para 11 dan 12 hendaklah dilaksanakan.

18. Seksyen 32(3) Akta 341, jika langkah-langkah yang dinyatakan dalam Notis (**Borang FC 9**) tersebut telah siap dilaksanakan oleh pemohon, **Borang FC 4** hendaklah dikembalikan kepada PPN BKK atau Penguasa/Ketua Zon untuk memohon pemeriksaan ke atas premis tersebut dilaksanakan.

19. Setelah menerima **Borang FC 4** – borang permohonan pemeriksaan, PPN BKK hendaklah mengarahkan Pegawai Pemeriksa untuk membuat pemeriksaan, pegawai pemeriksa hendaklah membuat laporan pemeriksaan dengan menggunakan **Borang FC 3**.

20. **Borang FC 3** yang telah lengkap diisi hendaklah dikemukakan kepada PPN BKK.

21. PPN BKK hendaklah membuat semakan ke atas laporan pemeriksaan – **Borang FC 3** bagi memastikan semua langkah-langkah telah dilaksanakan sepenuhnya, seterusnya membuat ulasan ke atas permohonan tersebut.

FI PERAKUAN BOMBA BARU

22. Surat (seperti **Lampiran H9**) hendaklah diserahkan kepada pemohon untuk mengarahkan pemohon membayar fi. Fi hendaklah dibayar dengan menggunakan **Borang FC 5**. Fi adalah merupakan fi untuk mendapatkan perakuan bomba seperti di Jadual B, P.U.(A) 241/ 2001.

23. Jika pemohon hanya hendak membuat **pindaan** ke atas perakuan bomba yang ada, perakuan bomba yang sedia ada hendaklah dikemukakan.

PEMERIKSAAN MENGEJUT

24. Mengikut seksyen 32 Akta 341, selagi suatu perakuan bomba ada berkuatkuasa berkenaan dengan mana-mana premis, pemeriksaan boleh dibuat pada bila-bila masa yang munasabah. Ini adalah bertujuan untuk memastikan tidak terdapat perubahan keadaan yang disebabkan olehnya kemudahan-kemudahan bagi kelengkapan keselamatan kebakaran telah menjadi tidak mencukupi berhubungan dengan apa-apa penggunaan premis.

25. PPN BKK atau Penguasa/Ketua Zon atau Ketua Balai Bomba boleh mengarahkan mana-mana Pegawai Bomba yang diberikuasa untuk membuat pemeriksaan mengejut tersebut.

26. Pegawai pemeriksa hendaklah menyediakan laporan pemeriksaan menggunakan **Borang FC 3**.

27. Sekiranya terdapat perubahan keadaan atau perubahan keadaan dikenalpasti semasa pemeriksaan mengejut dilaksanakan. Pegawai Pemeriksa hendaklah membuat lakaran kasar dan mengambil gambar sebagai bahan bukti.

28. Pegawai pemeriksa hendaklah membuat semakan rekod sama ada pemunya atau penghuni premis ditetapkan telah mengemukakan notis cadangan perubahan keadaan premis ditetapkan (**Borang FC 8**) sebelum memulakan kerja-kerja perubahan.

29. Sekiranya perubahan keadaan tersebut telah dimulakan tanpa memberi notis bertulis maka laporan hendaklah dibuat kepada PPN BKK mengenai pelanggaran tersebut.

LAPORAN KESALAHAN KEPADA PPN BKK

30. Jika terdapat apa-apa perubahan keadaan yang menyebabkan kemudahan-kemudahan bagi kelengkapan keselamatan kebakaran telah menjadi tidak mencukupi, pegawai pemeriksa hendaklah membuat laporan mengenai kesalahan tersebut dengan menggunakan **Borang FC 7**.

31. Seksyen 32(2) Akta 341, jika pelaksanaan cadangan membuat perubahan keadaan **dimula atau dibuat tanpa pemberian Notis** (Borang FC 8), maka **penghuni** itu adalah melakukan suatu kesalahan.

32. Laporan menggunakan **Borang FC 7** hendaklah dikemukakan kepada PPN BKK untuk membuka kertas siasatan.

PENGELUARAN PERAKUAN BOMBA BARU ATAU PERAKUAN BOMBA PINDAAN

33. Subseksyen 32(3), **Perakuan Bomba Pindaan** atau **Perakuan Bomba Baru** boleh dikeluarkan setelah membuat pemeriksaan dan perkara-perkara berikut dipatuhi:-

- a) Jika langkah-langkah yang dinyatakan di notis tersebut (**Borang FC 9**) telah dilaksanakan dengan sewajarnya,
- b) Telah membayar fi bagi Perakuan Bomba Baru,
- c) Mendapat sokongan daripada PPN BKK, dan
- d) Mendapat kelulusan daripada PBN.

34. Selepas itu maka perakuan bomba hendaklah dikeluarkan dengan menggunakan format seperti di **Lampiran H10**. Kaedah dan contoh pengisian Perakuan Bomba baru dan pindaan perakuan bomba adalah seperti di **Lampiran H11**.

NOTIS MENGARAHKAN SUPAYA MENGAMBIL LANGKAH-LANGKAH PERLU

35. Jika langkah-langkah dinyatakan Notis tersebut (**Borang FC 9**) **tidak diambil dengan sewajarnya** maka suatu Notis yang disampaikan kepada **Penghuni** memberitahunya mengenai fakta itu dan mengarahkannya supaya mengambil apa-apa langkah yang difikirkan sesuai untuk menjadikan kemudahan yang berkenaan itu mencukupi dan memberitahu bahawa jika langkah-langkah tersebut tidak diambil, perakuan bomba itu boleh dibatalkan (Seksyen 32 (4) Akta 341).

36. Notis ini dinamakan **Notis Mengarahkan Supaya Mengambil Langkah-Langkah Perlu** iaitu **Borang FC 10**.

37. PBN atau TPBN atau PPN BKK hendaklah mengeluarkan **Borang FC 10** kepada **penghuni** bersama dengan Borang Permohonan Pemeriksaan iaitu **Borang FC 4**.

38. Seksyen 32(4) Akta 341, jika langkah-langkah yang dinyatakan dalam Notis (**Borang FC 10**) tersebut telah siap dilaksanakan oleh penghuni, **Borang FC 4** hendaklah dikemukakan kepada PBN untuk membuat pemeriksaan.

39. PPN BKK hendaklah mengarah Pegawai Pemeriksa untuk membuat pemeriksaan, pegawai pemeriksa hendaklah membuat laporan pemeriksaan dengan menggunakan **Borang FC 3**.

40. **Borang FC 3** yang telah lengkap diisi hendaklah dikemukakan kepada PPN BKK.

41. PPN BKK hendaklah membuat semakan ke atas laporan pemeriksaan – **Borang FC 3** bagi memastikan semua langkah-langkah telah dilaksanakan sepenuhnya seterusnya membuat ulasan ke atas permohonan tersebut.

42. Sekiranya semua langkah-langkah yang sepatutnya perlu diambil telah dilaksanakan dengan sewajarnya maka arahkan penghuni untuk membayar fi.

43. Jika penghuni hendak memohon **perakuan bomba baru**, maka fi hendaklah dibayar dengan menggunakan **Borang FC 5**. Fi adalah merupakan fi untuk mendapat perakuan bomba baru.

PENGELUARAN PERAKUAN BOMBA BARU ATAU PERAKUAN BOMBA PINDAAN SETELAH MEMATUHI BORANG FC 10

44. Subseksyen 32(4), **Perakuan Bomba Pindaan** atau **Perakuan Bomba Baru** boleh dikeluarkan setelah membuat pemeriksaan dan perkara-perkara berikut dipatuhi:-

- a) Jika langkah-langkah yang dinyatakan di notis tersebut (**Borang FC 10**) telah diambil dengan sewajarnya,
- b) Telah membayar fi bagi permohonan Perakuan Bomba Baru.
- c) Mendapat sokongan daripada PPN BKK dan
- d) Mendapat kelulusan daripada PBN.

45. Selepas itu maka perakuan bomba hendaklah dikeluarkan dengan menggunakan format seperti di **Lampiran H10**. Contoh pengisian Perakuan Bomba baru dan pindaan perakuan bomba adalah seperti di **Lampiran H11**.

NOTIS MENGARAHKAN SUPAYA MENGAMBIL LANGKAH-LANGKAH PERLU TIDAK DIAMBIL

46. Seksyen 32(4)(b) Akta 341, jika **langkah-langkah** yang dinyatakan di Notis Mengarahkan Supaya Mengambil Langkah-Langkah Perlu iaitu **Borang FC 10 tidak diambil** maka perakuan bomba **dibatalkan**. Ini bermakna premis ditetapkan tersebut **tiada** mempunyai perakuan bomba.

47. Seksyen 33 Akta 341, mana-mana premis ditetapkan tiada mempunyai perakuan bomba maka **pemunya premis** tersebut adalah melakukan suatu kesalahan.

48. Oleh itu laporan hendaklah dikemukakan kepada PPN BKK dengan menggunakan **Borang FC 7** untuk membuka kertas siasatan.

TIDAK MEMATUHI ARAHAN NOTIS MENGARAHKAN SUPAYA MENGAMBIL LANGKAH-LANGKAH PERLU

49. Seksyen 32(5) Akta 341, mana-mana orang yang **tidak mematuhi arahan** dinyatakan di **Notis Mengarahkan Supaya Mengambil Langkah-Langkah Perlu** iaitu **Borang FC 10** adalah melakukan suatu kesalahan.

50. Oleh itu laporan hendaklah dikemukakan kepada PPN BKK dengan menggunakan **Borang FC 7** untuk membuka kertas siasatan.

51. Carta aliran kerja bagi proses pengeluaran Perakuan Bomba Baru seperti di **Lampiran J1** dan bagi Perakuan Bomba Pindaan adalah di **Lampiran J2**.